

06 MAY 1996

Siri Keenam Laporan Bernama sempena ulangtahun ke 50 UMNO pada 11 Mei
PERJUANGAN UMNO DARI KACAMATA GOLONGAN MUDA

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR: Banyak telah diperkatakan tentang perjuangan, jasa dan masa depan UMNO menjelang perayaan ulangtahun ke 50 parti yang menjadi tonggak pemerintahan negara itu 11 Mei depan.

Namun, polimik berhubung dengannya akan lebih bermakna jika peluang turut diberikan kepada golongan muda di dalam parti itu sama-sama menyuarakan pandangan dan pendapat mengenai perkara itu dari kaca mata mereka.

Dinilai daripada sudut kegigihan dalam perjuangan, salah seorang daripada pemimpin golongan itu yang dirasakan mampu menyuarakan aspirasi generasi muda itu ialah Senator Datuk Haji Ibrahim Ali, walaupun beliau bukan satu nama besar dalam konteks hirarki kepemimpinan negara tetapi hanya sekadar seorang anggota Majlis Tertinggi UMNO, anggota Dewan Negara, Ketua Penerangan UMNO Kelantan dan Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas.

Ibrahim mempunyai pandangan yang sentiasa bernas dan relevan dengan perjuangan UMNO kerana beliau telah begitu masak dengan segala sepak terajang politik tanahair.

Berikut ialah petikan jawapan Ibrahim kepada beberapa persoalan berhubung UMNO yang dikemukakan pada satu wawancara baru-baru ini:

S: Apakah sumbangan-sumbangan ketara UMNO terhadap kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara?

J: UMNO sebagai sebuah wadah perjuangan politik, ekonomi dan sosial rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu telah berjaya membangkit kesedaran di kalangan golongan muda generasi Melayu baru tentang pentingnya kuasa politik terus mantap di tangan orang Melayu. Ia juga telah berjaya menjulang martabat bangsa menerusi kelahiran begitu ramai cerdik pandai dan tokoh korporat Melayu.

Kesedaran politik yang tinggi di kalangan orang Melayu serta keupayaan mereka menikmati pendidikan yang sempurna dan kemakmuran yang melimpah ruah itu adalah manifestasi nyata sumbangan UMNO kepada kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara.

S: Dalam konteks perpaduan di kalangan rakyat, apakah peranan yang dimainkan oleh UMNO sudah memadai atau masih ada ruang yang boleh meningkatkan lagi proses integrasi pelbagai kaum?

J: Perpaduan kaum adalah intipati kepada kestabilan negara. Walaupun ia sebuah parti politik untuk orang Melayu sebagai pribumi negara ini, UMNO tetap mempunyai ruang yang membolehkannya bekerjasama dengan parti-parti politik yang dianggotai kaum lain menerusi Barisan Nasional

Institusi BN itu sendiri adalah manifestasi perpaduan kaum yang harmoni di negara ini kerana menerusinya semua parti politik dapat bernaung di bawah satu pakatan kerjasama yang unggul untuk mewujudkan kerajaan yang adil dan saksama tanpa mengeneipkan kepentingan kaum-kaum tertentu.

Rakyat pelbagai keturunan itu menerima hakikat bahawa perpaduan nasional adalah akar umbi kepada kemajuan sosio-ekonomi dan pembangunan negara.

Saya yakin satu tahap perpaduan yang lebih ideal akan tercapai selewat-lewatnya seiringan dengan tercapainya matlamat Wawasan 2020 yang digagaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Namun begitu, usaha memantapkan perpaduan itu harus dilakukan berterusan kerana dalam keadaan kita hidup aman bahagia, sudah pasti ada pihak-pihak yang iri hati yang akan berusaha memporak-perandakan keharmonian itu.

Proses pencapaian perpaduan kaum harus dijadikan agenda penting dalam rancangan pembangunan negara.

Kita harus menganjak paradigma setiap rakyat, bukan sahaja di peringkat pemimpin tetapi juga di kalangan generasi baru, kerana perpaduan harus lahir daripada kesedaran dan kefahaman tulen bahawa Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum.

S: Parti-parti pembangkang melihat UMNO sebagai parti perkauman, sama seperti MCA dan MIC. Mereka mendakwa jalinan kerjasama ketiga-tiga parti yang mewakili tiga kaum utama (Melayu, Cina dan India) itu mudah terburai jika salah satu daripada parti itu merasai kepentingan kaum yang diwakilinya terancam.

J: Saya fikir isu perkauman adalah sesuatu yang universal yang wujud di mana-mana, baik antara kaum dalam satu bangsa atau antara bangsa dalam satu kelompok kaum dan antara kefahaman agama, kepercayaan, adat resam dan pelbagai ciri lain yang membezakan antara manusia.

Dalam konteks politik di Malaysia, memanglah tidak dinafikan suatu ketika dulu politik perkauman menjadi dasar perjuangan parti-parti politik. Bagaimanapun, kebijaksanaan pemimpin-pemimpin terdahulu telah melahirkan suatu "front" dalam bentuk ikatan parti-parti politik yang mewakili kaum-kaum terbesar di Malaysia.

Menerusnya, sistem pemerintahan berkongsi melalui proses demokrasi diwujudkan. Ketika itulah bibit-bibit "perpaduan kaum" dalam erti kata perkongsian kuasa politik dalam pemerintahan negara bermula dan membesar subur sehingga kepada keadaannya sekarang.

Saya fikir semua kaum mendatang sedar bahawa mereka tidak mungkin dapat hidup senang lenang dalam keadaan aman dan selamat jika perpaduan tidak wujud dan perpaduan hanya dapat dicapai melalui kesepakatan politik dan kestabilan ekonomi. Kesimpulannya, saya yakin perpaduan kaum di Malaysia akan terus kekal dan bertambah utuh berkat kesederhanaan parti-parti politik di bawah BN.

Saya tidak fikir majoriti kaum bukan Melayu merasa khuatir kepentingan mereka sebagai warga negara terancam. Isu perkauman sengaja diungkit oleh sebilangan kecil cauvinis kaum yang memperjuangkan sesuatu isu kerana kepentingan politik peribadi semata-mata.

S: Apakah peranan yang harus dimainkan UMNO dalam abad ke 21 untuk memastikan keamanan, kemakmuran dan kestabilan negara berterusan?

J: UMNO harus bertambah mantap dan berani. Perpaduan dalam UMNO harus diperkukuhkan, keanggotaan harus ditambah dengan ahli-ahli baru yang berpendidikan dan kepemimpinan parti harus diperkemaskan selaras dengan perkembangan zaman.

Pemimpin parti juga harus sentiasa bertanggungjawab untuk diteladani oleh parti-parti komponen BN dan parti-parti pembangkang.

S: Bagaimana UMNO harus mempersiapkan diri untuk kekal sebagai sebuah parti yang demokratik dan pragmatik dan mampukah barisan pemimpin pelapis yang ada sekarang mempertahankan status-quo itu?

J: UMNO harus mengikut peredaran zaman daripada segi perjuangan dan strateginya kerana matlamat sasar berubah mengikut era. Pemimpin dan anggota UMNO juga harus menganjak paradigma supaya "mind-set" sentiasa terbuka menerima perubahan.

S: Dalam konteks perpaduan Melayu, apakah peranan yang harus dimainkan oleh UMNO bagi memecah benteng-benteng politik yang terus menghalang mereka bersatu di bawah satu payung UMNO yang lebih teguh.

J: Pintu UMNO sentiasa terbuka kepada semua orang Melayu dan bumiputera yang layak dan memang menjadi hasrat pucuk pimpinan kita untuk membawa orang Melayu bernaung di bawah satu payung politik yang unggul iaitu UMNO.

Perjuangan kita tulen, tidak menyimpang daripada dasar asasnya iaitu membela nasib dan memperjuangkan hak orang Melayu sambil mengekalkan kuasa

politik kepimpinan negara di tangan mereka. -- Bernama
AM